




الجامعة الإسلامية
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Sarawak
Kampus Mukah



Inou Dengah UiTM Mukah?

5th Issue | VOLUME 1 : JULY 2026

UiTM *di hatiku*

BULLETIN



EDITORIAL BOARD

MEET THE TEAM

**PROFESSOR DR.
FIRDAUS
ABDULLAH**
Patron



**DR. ABDUL JABBAR
ABDULLAH**
Advisor

**MS. SITI FARIDAH
KAMARUDDIN**
Chief Editor



**MS. STEFANIE NATASHA
RICH JOSEPH**
MS. FAKHIRA JAFRI
MS. CINDY ROBERT
MRS. NUR NADIA QAUSAR JUHARI
MS. SHIRLEY CLARE JERI
Editors



**MR. MUHAMMAD
ANAS ABDUL
RAZAK**
Records & Archives



MRS. IRENE SELUROH
Layout & Design
MR. SHILEYUSKEN MIJEN
Webmaster
**MR. ANAS ASRAWY
PENDAPAT**
Photographer



**MR. ERICKSON GRAVESENT
MUZIDI**
Internship Trainee



Published by:

Corporate Communication Unit, UiTM Mukah Campus

eISSN : 2976-257X

Published Date : 7 July 2026

NEWS AND ARTICLES

HERBALESTARI: TAMAN HIJAU SEJAHTERA

Penulis: Dareen Rania Mohammad Ali, Ruwaida Asyikin Abu Talip, Nurul Syahirah Mansur, dan Nur Alya Rosli.



Aktiviti mengecat planting box

Persatuan D'Herbalist yang dianggotai pelajar Diploma Teknologi Pengeluaran Herba telah menganjurkan Program Dekorasi Taman Herba pada 2 Mei 2026 yang lalu bertempat di Taman Herba, Pusat Akuakultur dan Agroteknologi, UiTM Mukah. Program yang berlangsung dari jam 7.00 pagi hingga 11.00 pagi ini bertujuan untuk menceriakan dan menaik taraf kawasan taman herba di samping memberi pendedahan secara praktikal kepada para pelajar dalam aspek penjagaan tumbuhan, pengurusan landskap

serta teknik asas hortikultur. Selain itu, program ini juga dapat memupuk semangat kerjasama dan meningkatkan kemahiran insaniah dalam kalangan ahli persatuan.

Sepanjang program berlangsung, para peserta telah dibahagikan kepada empat kumpulan bagi melaksanakan tugas di kawasan yang berbeza. Antara aktiviti yang dijalankan termasuk kerja-kerja merumput, memangkas pokok, menanam semula tanaman, membiak tumbuhan herba, serta membaik pulih struktur taman seperti batas dan kotak tanaman. Selain itu, aktiviti menghias kawasan taman turut dijalankan bagi meningkatkan nilai estetika persekitaran.

Kumpulan pertama dan kedua telah menjalankan aktiviti di bahagian hadapan taman dengan fokus kepada kerja pembersihan, penanaman semula serta penyelenggaraan batas tanaman. Manakala kumpulan ketiga dan keempat pula bertugas di bahagian belakang taman dengan menjalankan kerja-kerja seperti memperbaiki sistem saliran, pembiakan tanaman herba serta penyelenggaraan dan hiasan kawasan.

Program ini turut membuka ruang kepada pelajar senior untuk membimbing pelajar junior dalam setiap aspek pelaksanaan, termasuk perancangan susun atur tanaman, pemilihan bahan hiasan serta aspek keselamatan sepanjang aktiviti dijalankan. Gabungan usaha ini bukan sahaja berjaya memperindah taman herba, malah menyemai nilai kerjasama, kepimpinan dan kebersamaan yang wajar diteruskan oleh generasi pelajar akan datang.



Sesi bergambar bersama pelajar dan pensyarah

Melalui penganjuran program ini, kawasan Taman Herba menjadi lebih teratur, bersih dan menarik. Di samping itu, para pelajar turut memperoleh pengalaman berharga dalam pengurusan taman herba secara praktikal. Program seperti ini diharapkan dapat diteruskan pada masa akan datang bagi memastikan kelestarian taman herba serta memperkukuh peranan Persatuan D'Herbalist dalam melahirkan pelajar yang berkemahiran dalam bidang pengeluaran herba.

Published by:

Corporate Communication Unit, UiTM Mukah Campus

eISSN : 2976-257X

Published Date : 7 July 2026



Telephone/Fax

084-876100/084-876300



Email Address

korporat_swk@uitm.edu.my



Website

<https://sarawak.uitm.edu.my/>



Address

**Universiti Teknologi MARA (UiTM)
Cawangan Sarawak Kampus Mukah,
KM 7.5 Jalan Oya,
96400 Mukah, Sarawak.**

